

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	06 JUNE 2017

'Kos pertahan maruah memang tinggi'

Sinar harian – 6 Jun 2017

SHAH ALAM - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, tiada makna sekiranya kereta buatan Proton diakui hak kita tetapi 'orang lain yang mengusahakannya'.

Mahathir berkata, walaupun Proton adalah jenama Malaysia, namun selepas ia 'dijual', bermakna ia bukan milik kita lagi.

"Tak usahlah pertahan bahawa kita masih ada kereta nasional. Kereta milik orang lain, dikeluarkan dan dijayakan oleh orang lain, tidak boleh diiktiraf sebagai nasional.

"Apakah dengan pegangan melebihi 0.1 peratus maka pihak yang memiliki 49.9 peratus tidak punyai apa-apa kuasa langsung. Ya. Memang terdapat kos yang tinggi mempertahankan maruah. Lebih mudah jual sahajalah maruah," katanya menerusi catatan terbaharu di blognya chedet.cc

Sebelum ini, satu pelan perniagaan strategik dibangunkan DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM) dan Zhejiang Geely Holdings Group Co Ltd (Geely) dari China untuk membangunkan dan mengembalikan kegemilangan Proton.

Geely ialah pengeluar kereta yang memberi tumpuan ke atas bidang pembangunan, pengeluaran dan jualan kenderaan penumpang, dengan sebahagian besar keretanya dijual di pasaran China.

Sehingga 4 April tahun lepas, permodalan pasaran syarikat itu berjumlah US\$3.9 bilion.

Geely dan DRB-Hicom dijangka menandatangani perjanjian muktamad pada Julai 2017.

Menerusi perjanjian Gelly dan Proton, pembelian 49.9 peratus ekuiti dalam Proton Holdings Bhd oleh Geely Holding di sini, telah dilakukan.

Sumber: www.sinarharian.com.my